

# Kapal disyaki punca pukat rosak disiasat

BH 15/10/2022 ms: 15

**Masjid Tanah:** Jabatan Laut Melaka akan menyiasat dakwaan dibuat nelayan yang mengalami kerugian apabila jaring atau pukat mereka rosak akibat tersangkut pada kapal yang berlabuh di perairan Kuala Sungai Baru, di sini.

Ketua Pejabat Laut di jabatan berkenaan, Pearl Ezzaty Shobri, berkata pihaknya juga akan meliti kedudukan kapal yang di dakwa menyebabkan kerosakan itu berlaku.

Beliau berkata, pihaknya sudah pun menyediakan petak khusus untuk pelbagai jenis kapal dagang berlabuh di perairan berkenaan.

"Kapal dibenarkan berlabuh dalam petak ditetapkan sahaja dan jika berlabuh di luar kawasan, tindakan boleh diambil terhadap ketua penjaga kapal yang berlabuh.

"Setiap kapal yang ingin berlabuh diberikan carta laut yang harus dipatuhi sebelum melabuhkan sauh di dalam se suatu petak untuk jangka masa diperlukan sebelum meneruskan pelayaran," katanya ketika dihubungi.

## Terkena rantai sauh

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan seorang nelayan, Saidi Said, 48, yang mendakwa dia dan rakannya, Wahid



Saidi menunjukkan jaring yang koyak akibat tersangkut pada kapal berlabuh di perairan Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah, semalam.

(Foto Hassan Omar/BH)

Nikmat, 60, kerugian selepas jaring khusus untuk menangkap ikan parang dan tenggiri terkoyak akibat terkena rantai sauh dan kipas sebuah kapal yang berlabuh di perairan berhampiran Kuala Sungai Baru.

Saidi mendakwa, dalam kejadian Rabu lalu, mereka dikatakan membuang jaring jam 4

petang di perairan kira-kira 1.5 batu nautika dari pantai berkenaan sebelum menariknya jam 5.30 petang.

Mereka mendakwa jaring terbabit tersangkut pada rantai sauh sebelum koyak sepanjang 30 meter apabila masuk ke bawah kapal dan tersangkut pula pada kipas.

Nelayan terbabit kemudian membuat laporan di Balai Polis Kuala Sungai Baru, sebelum merujuk kejadian itu kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Melaka Barat untuk mengemukakan tuntutan ganti rugi kepada pihak yang mengendalikan kapal berkenaan.